

Ruj. Kami : KeTTHA.700-2/1/1 Klt. 2 (10)

Tarikh : 17 Mac 2017

**SEGERA/DENGAN FAKS/TANGAN/E-MEL**

YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Tuan/Puan,

**JEMPUTAN MENYERTAI DIALOG HARI AIR SEDUNIA DENGAN TEMA “AIR SISA” PADA 30 MAC 2017 ANJURAN KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR (KeTTHA).**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) dengan kerjasama Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), UNESCO-IHP Malaysia, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Kuala Lumpur, Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Persatuan Air Malaysia (MWA) akan menganjurkan Dialog Hari Air Sedunia sempena sambutan Hari Air Sedunia peringkat kebangsaan 2017 yang akan diadakan pada **30 Mac 2017 bermula jam 2.30 petang sehingga 5.00 petang, bertempat di Dewan Azman Hashim, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Kuala Lumpur.**

3. Untuk makluman pihak YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Tuan/Puan, sambutan Hari Air Sedunia disambut pada 22 Mac setiap tahun. Tema sambutan Hari Air Sedunia pada tahun ini adalah **“Air Sisa”**. Bersempena dengan sambutan ini, pelbagai program telah dirangka untuk mengetengahkan pelbagai isu, cabaran dan penyelesaian, pengurusan air serta memberi pendedahan akan perkembangan dan kemajuan sektor air di Malaysia. Dialog yang melibatkan masyarakat awam dan pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) ini memberi peluang berinteraksi bagi melontarkan pendapat dan persoalan berkaitan dengan isu-isu semasa dalam dialog ini.

4. Sehubungan itu, pihak kami amat berbesar hati menjemput YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Tuan/Puan untuk menghadiri program ini. Bersama-sama ini dilampirkan atur cara majlis dan sukacita dapat mengemukakan pengesahan kehadiran kepada urus setia seperti maklumat di dalam Borang Maklum Balas **sebelum atau pada 24 Mac 2017**.

5. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh menghubungi urus setia di talian 03-8883 6238 atau e-mel [asyraf.ahmad@kettha.gov.my](mailto:asyraf.ahmad@kettha.gov.my). Atas kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Tuan/Puan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

## **BERKHIDMAT UNTUK NEGARA**

Saya yang menurut perintah,

*Ahmad Rizal*

**AHMAD RIZAL KHALIT**

b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau & Air

s.k.

YBhg. Dato' Seri KSU

YBhg. Dato' TKSU (AP)

YBrs. SUBK (A)